

01/06/2003

Perdana Menteri tiba di Lausanne

Azizi Othman

LAUSANNE (Switzerland): Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi semalam untuk menghadiri Dialog Tidak Rasmi menjelang Sidang Kemuncak Negara G-8 itu.

Perdana Menteri, yang tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Geneva-Cointrin bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menaiki helikopter untuk ke bandar peranginan ini, yang terletak di pinggir Tasik Geneva, bersempadan dengan Perancis.

Ketibaan Dr Mahathir disambut Duta Malaysia ke Perancis, Datuk Tunku Nazihah Tunku Mohd Rus dan Duta Malaysia Ke Switzerland, Datuk Ismail Mustapha. Turut hadir ialah pegawai kedua-dua negara dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Malam semalam, Perdana Menteri yang dijemput atas kapasitinya sebagai Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) diraikan dalam satu jamuan oleh Presiden Switzerland, Pascal Couchepin bersama 13 pemimpin lain yang turut dijemput menghadiri dialog itu.

Antaranya ialah Presiden China, Hu Jintao; Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee; Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva; Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo; Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki dan Presiden Mesir, Hosni Mubarak.

Hari ini, Dr Mahathir dijadual menaiki bot selama kira-kira 30 minit menyeberangi Tasik Geneva ke Evian yang menjadi lokasi berlangsungnya Sidang Kemuncak Negara G-8 tahun ini bagi menghadiri dialog tidak rasmi berkenaan.

Ketibaan Perdana Menteri akan disambut Presiden Perancis, Jacques Chirac sebelum dibawa ke tempat berlangsungnya dialog itu di Hotel Royal Evian, untuk jamuan tengah hari bersama pemimpin negara G-8 lain.

Selepas itu, sesi dialog akan bermula dengan pemimpin negara G-8 termasuk Presiden Amerika Syarikat, George Bush; Perdana Menteri Britain,

Tony Blair; Presiden Russia, Vladimir Putin; Canselor Jerman, Gerhard Schroder; Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi; Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien dan Presiden Itali, Silvio Berlusconi.

Turut menyertai dialog itu ialah Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan; Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn; Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Horst Kohler dan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Supachai Panitchpakdi.

Dialog setengah hari itu yang dijangka membabitkan pelbagai isu antarabangsa semasa, dijadual tamat petang ini dengan sidang akhbar oleh Chirac sebelum Perdana Menteri dijadual pulang ke Lausanne dengan bot.

Antara isu yang dijangka dibangkitkan Perdana Menteri dalam dialog bersama pemimpin G-8 itu termasuk soal berhubung dominasi Barat dalam percaturan politik, perdagangan dan kewangan global.

Dr Mahathir dijangka membangkitkan isu berkenaan kerana ia sejajar dengan tema Sidang Kemucak G-8 kali ini yang akan menumpukan kepada usaha

pembangunan serta kerjasama antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Esok, Dr Mahathir bersama beberapa pemimpin yang menghadiri dialog berkenaan dijemput untuk menghadiri perbincangan dalam majlis sarapan pagi yang dianjurkan Hu Jintao di sini, sebelum berlepas pulang.